

27 APR 1999

Mahathir-Internet/

DR MAHATHIR BIDAS MEREKA YANG SALAH GUNA INTERNET

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas segelintir rakyat yang terus menyalahgunakan Internet dengan menyebarkan berita-berita tidak berasas dan fitnah.

"Ini semacam dengan pisau, pisau yang tajam kita boleh guna untuk ukir sesuatu yang cantik ataupun kita bunuh orang, tetapi bagi orang yang tidak ada akal dia guna pisau untuk membinasakan orang lain.

"Demikian juga dengan mereka ini, apabila mereka dapat sesuatu yang berguna, mereka memikir tentang cara-cara yang buruk untuk menggunakannya," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada kanak-kanak, dalam majlis hari kanak-kanak 1999, anjuran Badan Amal Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) di Carcosa Seri Negara, di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta pendapat mengenai penyalahgunaan Internet, ketika kerajaan memberi penekanan kepada pembangunan negara melalui ekonomi "gelombang ketiga" yang berasaskan teknologi maklumat.

Dr Mahathir berkata golongan ini sanggup terlibat dengan penyebaran berita tidak berasas termasuk menyebarkan berita kononya beliau sudah mati dan tidak menyempurnakan kesemua rukun Haji ketika mengerjakan Haji di Mekah, baru-baru ini.

"Dengan itu mereka guna Internet untuk menyebarkan berita-berita yang tidak berasas, umpamanya saya sudah mati, kononnya saya pergi ke Mekah untuk bertaubat.

"Macam-macam cerita kononnya saya ini tak dapat kerjakan Haji sepenuhnya. Macam-macam pembohongan yang dibuat," katanya.

Beliau berkata golongan ini yang mendakwa berusaha membawa keadilan kepada rakyat dan negara, sebaliknya perbuatan mereka adalah demi kepentingan diri sendiri tanpa memikirkan keselamatan negara.

"Dan inilah orang-orang yang mendakwa diri mereka kononnya akan membawa keadilan. Apakah ini merupakan keadilan kepada saya ataupun keadilan kepada masyarakat Malaysia ataupun keadilan kepada negara kita, kalau kita berbohong dengan niat untuk mencetuskan salah faham dan huru-hara dalam negara," katanya.

Ditanya apakah kerajaan perlu memberi penerangan mengenai ekonomi gelombang ketiga ini kepada rakyat, Dr Mahathir berkata kebanyakan rakyat memang faham mengenai kebaikan teknologi maklumat sehingga ramai daripada mereka memasuki bidang multimedia bagi mencipta pelbagai kemudahan yang berguna.

"Saya fikir rakyat biasa memang faham dan mereka memang guna segala alatan itu untuk kebaikan. Ini kita lihat dan banyak sekarang ini masuk bidang multimedia umpamanya untuk mencipta berbagai-bagai penggunaan yang berfaedah kepada masyarakat.

"Mereka ini akan faham, tapi mereka yang hati mereka tertutup, mereka kalau kita jelas bagaimanapun mereka akan ulang perkara yang sama," katanya.

Sementara itu, seramai 200 kanak-kanak dari 13 rumah kebajikan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor, dan sekumpulan murid dari kelas istimewa Sekolah Menengah Bandar Sunway diraikan dalam majlis tersebut, yang turut diserikan dengan acara hiburan dan persembahan oleh anak-anak anggota Bakti.

Presiden Bakti dan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah

Mohd Ali dalam ucapannya berkata Bakti pada setiap tahun menyumbangkan sebahagian besar dana kewangannya kepada program-program kebajikan, di samping memberi dermasiswa kepada anak-anak miskin dan membantu mangsa bencana alam.

"Bagi Bakti, tidak ada sesuatu yang lebih memberi kepuasan daripada menyumbang dan melaksanakan tanggungjawab terhadap golongan yang memerlukan dan kurang bernasib baik," katanya.

-- BERNAMA

RV RI